

**NO. SOALAN: 19**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. ISMAIL BIN DAUT [MERBOK]**

**TARIKH : 01 NOVEMBER 2017**

**RUJUKAN : 10288**

**SOALAN :**

**Dr. Ismail Bin Daut [Merbok] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah langkah yang dilakukan oleh Kerajaan dalam membendung masalah anggota penguatkuasa yang kurang berintegriti dalam menjalankan tugas khususnya dalam kegiatan perjudian.**

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

PDRM mengambil pendekatan ‘tiada tolak ansur’ ke atas warganya yang melakukan kesalahan tata tertib, salah guna kuasa, rasuah, terlibat dengan kes jenayah dan dadah malah akan memastikan amalan disiplin yang tinggi sentiasa dipatuhi oleh setiap pegawai polis.

Antara inisiatif yang telah diambil oleh Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) untuk mengekang masalah kurang berintegriti dan mengambil rasuah di kalangan warga PDRM adalah seperti berikut:

- i) mengeluarkan Manual Pematuhan Standard PDRM sebagai mekanisme “kawal selia” dalam memastikan pematuhan kepada semua arahan, peraturan dan undang-undang;
- ii) mengkaji dan menambah baik *Standard Operation Procedure* (SOP) sedia ada bagi memastikan ia sesuai dengan penugasan terkini;
- iii) mengadakan program-program psikologi dan spiritual atau agama bagi warga PDRM yang mempunyai masalah disiplin atau tata tertib;

- iv) mengeluarkan Pelan Integriti 2016-2020 yang bertindak sebagai pemacu budaya organisasi berpaksikan Integriti dan Pematuhan Standard;
- v) mewujudkan kod Etika PDRM bagi memastikan setiap tingkah laku berasaskan nilai-nilai murni yang telah diperakukan dan diterjemahkan melalui Kod Etika PDRM ini;
- vi) menjalankan pemeriksaan dan *integrity testing* terhadap semua warga kerja PDRM di semua penugasan dalam pasukan bagi memastikan pematuhan kepada undang-undang, peraturan, arahan pentadbiran dan prosedur kerja yang berkuat kuasa serta menepati standard yang ditetapkan;
- vii) mengambil tindakan tegas terhadap warga PDRM yang melakukan kesalahan tatatertib dengan mengenakan hukuman buang kerja atau turun pangkat bagi kesalahan yang serius; dan
- viii) mengeluarkan *lesson learnt* bagi memberi iktibar, pengajaran dan bagi mengelakkan kejadian sama berulang pada masa hadapan.

SOALAN NO: 20

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DR. TAN SENG GIAW [KEPONG]**  
**TARIKH : RABU, 1 NOVEMBER 2017**  
**RUJUKAN : L4 [PR-1353-L04045]**  
**SOALAN :**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan usaha penebatan banjir kilat di Wilayah Persekutuan.

31

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Kepong, punca-punca utama berlakunya banjir kilat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah disebabkan oleh kadar keamatan *intensity* hujan yang tinggi, kapasiti *hydraulic system* saluran, halangan kepada sistem saluran dan aktiviti-aktiviti pembangunan.

Pelbagai langkah-langkah yang telah dan sedang diambil untuk mengatasi masalah banjir kilat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut :-

- i. Pembinaan kolam-kolam takungan banjir;
- ii. Pembinaan kolam-kolam tahanan banjir (*on site detention pond*);
- iii. Pembinaan system rumah pam banjir;
- iv. Meningkatkan kapasiti *hydraulic* sungai dan parit-parit induk;
- v. Membina *storm trap* dan lencongan parit seperti mana projek yang sedang dijalankan di Kampong Segambut Bahagia;
- vi. Pemeriksaan secara berjadual sistem saluran dan laluan air keluar *outlet* daripada jalan-jalan raya ke sistem saluran;
- vii. Pembersihan sungai-sungai, kolam-kolam dan parit induk secara berjadual;
- viii. Penggorekan kelodak untuk mendalamkan sungai secara berjadual;
- ix. Menaiktaraf sistem saluran yang telah usang; dan
- x. Meningkatkan kawalan serta penguatkuasaan ke atas aktiviti pembangunan yang tidak mematuhi syarat-syarat kebenaran;

Banjir kilat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur biasanya hanya berlaku dalam tempoh yang pendek kurang dari satu jam. Ia banyak melibatkan banjir jalan yang mana usaha dan projek-projek yang berkaitan sedang dalam pelaksanaan. Banjir kilat yang melibatkan kawasan kediaman telah sangat berkurangan.

Di Wilayah Persekutuan Labuan pula banjir kilat telah berlaku pada tahun 2007 dan 2014 di beberapa kawasan yang disebabkan oleh faktor air pasang laut yang luar biasa dan hujan lebat yang berterusan melebihi 12 jam. Oleh itu, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Labuan telah melaksanakan kerja-kerja pemuliharaan sungai-sungai di Wilayah Persekutuan Labuan setiap tahun di mana pada tahun ini (2017) JPS Labuan telah melaksanakan kerja-kerja pemuliharaan sungai yang berjumlah RM2.0 juta bagi tujuan mengurangkan risiko banjir kilat.

Perbadanan Labuan juga membantu dari segi menjaga kebersihan kawasan bandar dan perumahan dengan melaksanakan penjadualan kutipan sampah dan pemantauan secara berterusan melalui program kesedaran kebersihan yang dijalankan dalam bentuk aktiviti gotong-royong oleh Majlis Perwakilan Penduduk (MPP). Senarai aktiviti gotong-royong yang telah dijalankan adalah :

- i) Sub Zon 1 di Kg. Gersik pada 25 Ogos 2017;
- ii) Sub Zon 2 dan Sub Zon 3 di Kg. Patau-Patau Satu pada 1 Oktober 2017;
- iii) Sub Zon 4 di Taman Perumahan Mutiara Kg. Sungai Bedaun pada 15 Julai 2017;
- iv) Sub Zon 5 di Kg. Layang-Layangan pada 9 September 2017;

- 33
- v) Sub Zon 6 di Kg. Sungai Bangat pada 30 September 2017;
  - vi) Sub Zon 7 di Kg. Kerupang 1 & 2 pada 19 Ogos 2017; dan
  - vii) Sub Zon 8 di Kg. Lubok Temiang pada 30 September 2017.

Selain itu, pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) Labuan juga terlibat dalam penyelenggaraan longkang-longkang tepi jalan di jalan-jalan persekutuan iaitu Jalan Tun Mustapha dan Jalan Pohon Batu di mana ia dilaksanakan secara berkala melalui syarikat konsesi yang telah dilantik.

Untuk makluman Yang Berhormat, manakala di Wilayah Persekutuan Putrajaya, punca banjir kilat yang sering berlaku adalah disebabkan oleh laluan masuk air larian "*kerb inlet*" ke sistem perparitan tersumbat oleh daun-daun yang menutupi lubang tersebut. Untuk mengatasinya, Perbadanan Putrajaya telah mengambil langkah untuk membina semula "*kerb inlet*" tersebut untuk memastikan aliran air hujan dapat mengalir ke sistem perparitan tanpa halangan. Sehingga sekarang, "*kerb inlet*" tersebut berfungsi dengan berkesan dan masalah banjir kilat di Putrajaya dapat ditangani.